

TARIKH : 1/4/2023  
SURAT KHABAR : HARIAN METRO  
MUKA SURAT : 22

22 [www.hmetro.com.my](http://www.hmetro.com.my) @hmetromy HarianMetro @hmetromy

lokal 1/4/2023 (Sabtu)

# KAWAL DULU KUOTA

*KSM akan semak semula jumlah pekerja asing bagi elak lambakan*

Oleh Samadi Ahmad  
am@hmetro.com.my

Putrajaya

**E**lak berlaku lambakan pekerja asing di Malaysia.

Itu pendekatan diambil Kementerian Sumber Manusia (KSM) yang mahu menyemak semula jumlah pekerja asing dibawa masuk ke Malaysia sebelum membuka semula permohonan dan meluluskan kuota tenaga buruh luar negara.

Menterinya, V Sivakumar (**gambar**) berkata, jika jumlah pekerja asing yang sudah dibawa masuk benar-benar tidak mencukupi, keputusan lain akan dibuat kelak.

Katanya, walaupun ada gesaan dari-pada penggiat

industri supaya permohonan bagi kuota tambahan pekerja asing dibuka semula, ia tidak boleh dibuat sewenang-wenangnya dan perlu mengambil kira pelbagai faktor.

"Sekarang kita beri ruang kepada majikan untuk bawa

masuk pekerja, sementara kita tunggu majikan bawa masuk pekerja asing, kita tidak akan meluluskan sebarang kuota. Kalau benar-benar tidak cukup, keputusan lain akan dibuat kelak," katanya selepas Majlis Iftar KSM di sini, semalam.

Pada majlis itu, Sivakumar turut menyampaikan sumbangan duit raya kepada 40 anak asnaf dari Pertubuhan Kebajikan Islam Peribadi Mulia, Kajang.

Sebelum ini, beliau mengumumkan permohonan dan kelulusan kuota pekerja asing termasuk melalui Pelan Kelonggaran Penggajian Pekerja Asing (PKPPA), ditangguhan bermula 18 Mac sehingga ke satu tarikh yang akan dimaklumkan kelak.

